#KitaSelangor

Garis Panduan

Pemakaian

Batik Selangor

ISI KANDUNGAN

Objektif	1
Pematuhan Arahan	2
Batik Selangor	3
Bunga Tanjung	4
Olahan Bentuk	5
Pakaian Batik Selangor	6
Cara Pemakaian Batik Selangor bagi Lelaki	7
Cara Pemakaian Batik Selangor bagi Perempuan	8
Pola Pakaian Kemeja Lelaki	9
Pola Baju Kebaya Selangor	10
Pola Baju Kurung Moden	11
Pola Baju Kurung Pesak	12
Cara Penjagaan Pakaian Batik Selangor	13
Penghargaan	14

OBJEKTIF

Garis panduan ini diterbitkan bagi menjelaskan tatacara pemakaian pakaian Batik Selangor secara terperinci kepada semua penjawat awam di bawah pentadbiran kerajaan Negeri Selangor.

Pemakaian Batik Selangor oleh penjawat awam di Selangor dapat mewujudkan identiti negeri Selangor selain memperkenalkan Batik Selangor kepada umum.

Garis panduan ini adalah tertakluk kepada arahan sedia ada yang telah diwartakan oleh pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan hendaklah digunakan bersama dengan pekeliling seperti berikut ;

- Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Semasa Waktu Bekerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan
- Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2006 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi



PEMATUHAN

ARAHAN





Pemakaian Batik Selangor oleh penjawat awam di Selangor adalah DIWAJIBKAN pada hari Khamis minggu pertama setiap bulan.

Bagi kakitangan wanita, pakaian Batik Selangor hendaklah digayakan sama ada potongan Kebaya Selangor, baju kurung pesak atau baju kurung moden.

** Pengecualian kepada pegawai yang ;

- Dibekalkan pakaian seragam.
- Menghadiri majlis rasmi yang telah ditetapkan kod pakaian.

BATIK SELANGOR

Konsep rekaan

Bunga Tanjung

Bunga Tanjung (*Mimusops elengi*) dari famili *Sapotaceae* berasal dari kepulauan Indo-China dan Semenanjung Tanah Melayu adalah bunga yang dijadikan sebagai motif (corak) yang digunakan sejak zaman pemerintahan Sultan Sir Ala'eddin Suleiman Shah ibni Raja Muda Musa.

9 Daerah di Selangor

Bunga Tanjung yang mempunyai banyak kelopak berlapis, bertindan dan runcing dihujungnya diolah menjadi motif rekaan sembilan (9) kelopak yang mewakili sembilan (9) daerah di Selangor.

Bunga Rasmi

Bunga Tanjung telah diwartakan sebagai bunga rasmi negeri Selangor.

Batik Selangor

Cadangan motif rekaan batik bunga tanjung kelopak sembilan dijadikan sebagai pakaian batik rasmi untuk penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.



◀ Bunga Tanjung (*Mimusops elengi*)

BUNGA TANJUNG

Di Selangor penggunaan bunga tanjung sebagai corak telah dikesan sejak awal abad ke-18 melalui jumpaan mata wang pitis di Kampung Lubuk Jaya, Kuala Selangor. Pada mata wang tersebut tertera cetakan corak bunga tanjung.

Penggunaan corak ini bersinambungan sehingga abad ke-19 semasa pemerintahan Almarhum Sultan Sir Ala'eddin Suleiman Shah (1898-1938) yang telah mengaplikasi bunga tanjung sebagai salah satu corak hiasan dalam reka bentuk terutama pada bangunan Istana Bandar, Kuala Langat.

Perkembangan motif bunga tanjung kepada kelopak sembilan dapat dilihat pada koleksi pinggan mangkuk, kerusi dan permaidani yang dimiliki oleh Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, hiasan dalaman Istana Alam Shah, Klang dan Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam. Selain itu penggunaan corak bunga tanjung kelopak sembilan turut digunakan pada *insignia* Dewan Negeri Selangor dan logo Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT).

Selaras dengan itu, Selangor kini mengaplikasikan corak bunga tanjung bagi penghasilan Batik Selangor.

Insignia Dewan Negeri Selangor

Logo Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)



Pinggan, cawan dan piring milik Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj di Galeri DiRaja, Klang



Motif corak bunga tanjung yang terdapat pada tiang batu di Istana Bandar, Kuala Langat

OLAHAN BENTUK

Motif Bunga Tanjung


SELANGOR DARUL EHSAN

Pecahan tiga garisan di setiap kelopak membawa maksud perpaduan masyarakat dan bentuk sembilan kelopak di tengah membawa maksud penyatuan gabungan pelbagai kaum.



SIMBOLIK DAERAH DI SELANGOR

Motif rekaan sembilan kelopak yang mewakili sembilan daerah di Selangor.



WARNA MERAH DAN OREN

Warna merah melambangkan kekuatan, semangat, energi dan keberanian.
Warna oren adalah gabungan indeks merah dan kuning yang melambangkan kegembiraan, kreativiti, kekaguman dan optimisme.



BATIK SELANGOR

Pakaian Batik Penjawat Awam Negeri Selangor



Pakaian Batik Selangor untuk penjawat awam Selangor

CARA PEMAKAIAN

Batik Selangor Penjawat Awam Lelaki



Baju Batik Selangor yang berlengan panjang dipadankan dengan seluar slek hitam, kasut hitam (bertutup) dan padanan stoking mengikut warna yang sesuai.

- Kemeja dilepaskan keluar.
- Butang baju berwarna merah
- Lengan baju tidak dibenarkan dilipat.
- Baju kemeja berkolar Mandarin tidak dibenarkan.

CARA PEMAKAIAN

Batik Selangor Penjawat Awam Wanita



Baju Batik Selangor potongan Kebaya Selangor atau baju kurung (moden/pesak) dipadankan dengan tudung yang bersesuaian atau tanpa corak.

Kebaya Selangor:

- kain timpah/ selisih depan
- lengan potongan lurus
- labuh baju paras lutut
- digalakkan untuk memakai kerongsang tiga

Baju kurung pesak:

- kain susun tepi


Baju kurung moden:

- kain timpah/ selisih depan

POLA PAKAIAN

Potongan Kain bagi Kemeja Lelaki





Contoh potongan pola pakaian
bagi kemeja lelaki

Ukuran kain : 3.0 @ 3.5 meter X 45 inci (bidang)





3 meter



POLA PAKAIAN


Potongan Kain bagi Baju Kebaya Selangor





Contoh potongan pola pakaian bagi Baju Kebaya Selangor

Ukuran kain : 4.5 meter X 45 inci (bidang)



POLA PAKAIAN


Potongan Kain bagi Baju Kurung Moden





Contoh potongan pola pakaian bagi baju kurung moden

Ukuran kain : 4.5 meter X 45 inci (bidang)



POLA PAKAIAN

Potongan Kain bagi Baju Kurung Pesak





Contoh potongan pola pakaian bagi baju kurung pesak.

Ukuran kain : 4.5 meter X 45 inci (bidang)





CARA PENJAGAAN

Pakaian Batik Selangor

Bahan : Pakaian Batik

Cara Penjagaan


Sebaiknya dicuci menggunakan tangan dan sabun yang lembut (*soft detergent*)


Sekiranya dibasuh menggunakan mesin, terbalikkan baju (*inside out*) dan basuh menggunakan air sejuk


Cuci bersama dengan pakaian yang mempunyai warna senada


Jemur pakaian batik di tempat yang redup bagi mengelakkan warna kain pudar


Gosok pakaian pada suhu yang bersesuaian dengan fabrik


Elakkan mencuci menggunakan air panas atau menggunakan pengering pakaian



Tidak merendam pakaian batik lebih dari 30 minit


Elakkan penggunaan klorin atau peluntur pada kain


Tidak digalakkan untuk memintal pakaian batik yang masih basah bagi mengelakkan kedutan pada kain

PENGHARGAAN

Pihak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada:

Pejabat Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Perbendaharaan Negeri Selangor

Pejabat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO Perumahan dan Kebudayaan)

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd.

Serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Garis Panduan Pemakaian Batik Selangor.

Garis Panduan
Pemakaian Batik Selangor

Diterbitkan oleh

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor

www.padat.gov.my

PadatSelangor

PADAT TV